



Headline: Usah layan panggilan individu meragukan
Publication/Portal: Harian Metro
Date: 1 October 2020

Language: Malay
Section: Lokal
Page: 19

CONTOH SITUASI MACAU SCAM

1 MENYAMAR PEGAWAI POLIS/AGENSİ KERAJAAN

- Pengadu menerima panggilan telefon daripada individu yang mengaku sebagai pegawai mahkamah dan polis serta mendakwa bahawa individu terbabit dalam kegiatan haram seperti pengubahan wang haram dan pengedaran dadah.
- Mangsa kemudian diminta untuk memindahkan wang dari akaunnya ke dalam akaun tertentu kononnya bagi mengelakkan akaun mangsa dibekukan oleh pihak berkuasa.



2 MENYAMAR PEGAWAI BANK NEGARA ATAU BANK KOMERSIAL

- Mangsa menerima panggilan daripada seseorang yang mengaku sebagai pegawai bank yang mendakwa pengadu gagal membuat bayaran kad kredit.
- Pengadu kemudian diarahkan untuk menghubungi seseorang kononnya pegawai dari Bank Negara Malaysia (BNM) bagi mengelakkan nama disenarai hitam atau akaun bank dibekukan.
- Mangsa yang terpedaya diminta untuk membuat pemindahan wang ke nombor akaun tertentu melalui e-banking atau melalui mesin deposit tunai (CDM).



3 CABUTAN BERTUAH (LUCKY DRAW)

- Pengadu menerima panggilan telefon mendakwa mangsa memenangi pertandingan cabutan bertuah (lucky draw) bernilai jutaan dollar dari syarikat Hong Kong dan Macau.
- Pemanggil kemudian memberikan nombor telefon untuk dihubungi sekiranya pengadu mahu menuntut hadiah berkenaan.
- Sebaik mangsa bersetuju, dia dikehendaki membayar cukai dan insurans dengan cara memasukkan wang ke dalam akaun tertentu bagi menuntut hadiah berkenaan.
- Selepas transaksi selesai, pemanggil gagal dihubungi dan wang hadiah yang dijanjikan tidak diterima.



Usah layan panggilan individu meragukan


Kuala Lumpur: Jangan layan panggilan diterima daripada individu tidak dikenali dan meragukan adalah langkah mudah bagi mengelak menjadi mangsa penipuan sindiket Macau Scam.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman, Datuk Zainuddin Yacob berkata, mana-mana pihak yang mahu menghubungi seseorang atas urusan penting pasti akan melakukan pengesanan untuk berjumpa secara bersemuka.

"Dalam mana-mana urusan penting, pastinya kehadiran individu berkenaan diperlukan seperti untuk menandatangani dokumen. Justeru, jangan layan panggilan meragukan terutama yang mengarahkan untuk membuat pemindahan wang.

"Orang ramai perlu sentiasa ingat bahawa agensi kerajaan dan institusi perbankan tidak akan sama sekali menggunakan akaun individu untuk melakukan urusan pemindahan wang," katanya di Ibu Pejabat JSJK Bukit Aman, di sini.

Beliau berkata, orang ramai juga dinasihatkan supaya tidak



LAPORAN muka depan Harian Metro, semalam.

mendedahkan maklumat perbankan kepada mana-mana individu tidak dikenali.

"Bermula daripada maklumat diberikan itu, sindiket boleh mengakses akaun bank mangsa termasuk menukar had pengeluaran dan mengawal akaun berkenaan.

"Ada kes baharu yang kami kesan mendapati sindiket penipuan meminta mangsa membuka akaun baharu yang didaftarkan menggunakan nombor telefon diberikan sindiket. Helah ini bagi membolehkan mangsa mengangap wang



ZAINUDDIN

mereka selamat di dalam akaun itu kerana milik sendiri.

"Namun, apa yang mereka tidak sedari adalah akaun itu sudah diakses sindiket yang melarikan wang mereka tanpa sedar," katanya.

Zainuddin berkata, orang ramai juga diingatkan supaya tidak sewenang-wenangnya percaya 'cerita' disampaikan pihak tertentu dengan pelbagai dakwaan terbabit kegiatan jenayah dan lain-lain.

"Sebaiknya, orang ramai perlu membuat semakan dengan menghubungi agensi atau institusi berkaitan bagi mengesahkan dakwaan dinyatakan itu.

"Kami (JSJK) menyediakan portal semakmule yang membolehkan orang ramai membuat semakan terhadap nombor akaun diberikan pihak tertentu bagi pemindahan wang.

"Menerusi portal ini yang boleh diakses menerusi <https://ccid.rmp.gov.my/semakmule/>, orang ramai dapat menyemak sama ada nombor akaun berkenaan pernah dilaporkan sebelum ini," katanya.